



IRMOHIZAM IBRAHIM (tengah) melawat Loji Air Sungai Selangor Fasa 1, di Muka Sauk SSP1, Sungai Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor, semalam.

Sungai tercemar: Selangor perlu serius

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Kerajaan negeri Selangor didesak supaya lebih serius dalam menangani punca pencemaran sungai yang berlaku di negeri itu.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Irmohizam Ibrahim berkata, keadaan sungai di negeri itu menjadi semakin lesu akibat terdedah dengan pencemaran dan ditambah lagi ketidakcekan kerajaan negeri mengawal pertumbuhan kilang-kilang haram dan lemah dalam menguatkuasakan undang-undang.

"Biarpun akta seperti Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dikatakan mencukupi, namun tidak ada gunanya jika kerajaan negeri Selangor hanya memberi amaran sekadar me-

lepaskan batok di tangga.

"Tindakan tegas harus diambil dengan segera agar pencemaran dan gangguan bekalan air tidak membebankan pihak lain terutamanya rakyat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, denda maksimum RM100,000 dan penjara lima tahun kerana kesalahan pencemaran sungai mungkin dipandang ringan oleh individu atau pihak yang degil.

"Jadi kita sarankan kepada kerajaan negeri menaikkan denda maksimum sehingga RM1 juta dan 10 tahun penjara agar dipandang lebih serius.

"Hargailah sungai kerana pelbagai hidupan termasuk kita perlu bergantung terhadap sumber daripada sungai itu," ujarnya.